

28/03/2000

Bendahari Kubang Pasu Setiausaha Politik PM

KUALA LUMPUR, Isnin - Bendahari Umno Bahagian Kubang Pasu, Datuk Mohd Johari Baharum, dilantik sebagai Setiausaha Politik (1) kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini menyebut, pelantikan berkenaan berkuat kuasa mulai hari ini.

Johari, 46, menggantikan Datuk Aziz Samsuddin yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Pendidikan baru-baru ini.

Beliau adalah setiausaha politik kepada Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebelum dilantik ke jawatan sekarang.

Johari berasal dari Kubang Pasu Kedah. Sebelum menjadi bendahari Umno Kubang Pasu, beliau ialah ketua Pemuda bahagian berkenaan, yang diketuai Dr Mahathir.

Johari, yang juga Ketua Penerangan Belia 4B Malaysia, adalah bekas guru.

(END)